

04 AUG 2003

Koh-Air/I

WAKIL K'TAN DAN T'GANU TAK BANTAH PENGAMBILALIHAN AIR, KATA KOH

PULAU PINANG, 4 Ogos (Bernama) -- Wakil kerajaan negeri Kelantan dan Terengganu tidak menyuarakan apa-apa bantahan serius di Mesyuarat Majlis Air Kebangsaan berhubung cadangan Kerajaan Persekutuan mengambilalih pengurusan bekalan air negeri-negeri.

Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon hari ini berkata, kerajaan kedua-dua negeri itu masing-masing diwakili oleh Anggota Exco yang berkenaan serta setiausaha Kerajaan Negeri semasa mesyuarat itu pada minggu lepas.

"Mereka hadir tetapi tidak bangkitkan bantahan serius," kata beliau kepada pemberita selepas melancarkan Karnival Permainan Pendidikan Khas di sini.

Dr Koh berkata demikian apabila diminta mengulas mengenai kenyataan Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang berkata Terengganu tidak bersetuju dengan cadangan pengambilalihan itu.

Abdul Hadi pula berkata demikian sebagai menjawab kenyataan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bahawa wakil-wakil Kelantan dan Terengganu di mesyuarat majlis itu telah bersetuju dengan pengambilalihan itu.

Ditanya sama ada wakil-wakil negeri mempunyai muslihat lain kerana tidak membantah cadangan itu, Dr Koh berkata: "Saya tidak mahu berkata apa-apa dan saya juga tidak mahu memaklumkan nama mereka."

Bagi pihak Pulau Pinang, katanya, Kerajaan Negeri telah bersetuju menggunakan pendekatan bersepadu bagi pengurusan air di seluruh negara.

Yang penting ialah untuk bersetuju pada prinsipnya akan cadangan itu dan cuba menjayakannya di sebalik tidak bersetuju dan langsung tidak mengendahnya, kata Dr Koh lagi.

Sementara itu, Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad menasihati Nik Aziz dan Abdul Hadi supaya sentiasa menghadiri mesyuarat peringkat pusat yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Mereka patut hadir sendiri jika tidak yakin dengan wakil exco mereka. Oleh kerana mereka tidak yakin dengan exco masing-masing, jadi saya fikir lebih baik mereka ini datang daripada hantar wakil yang menyatakan setuju tetapi lepas itu tidak setuju. Ini satu cara yang baik kerana mesyuarat peringkat pusat adalah satu mesyuarat yang penting," katanya ketika mengulas pendirian dua kerajaan negeri pimpinan PAS itu..

-- BERNAMA

RP MOZ